

BERITA HARIAN

DATE: 23/10/2007

# Pupuk sikap sahabat sejati di bangku sekolah

BH- 23/10/2007

## Abdullah mahu guru di semua aliran semai perpaduan kaum

Oleh Ridzuan Yop  
dan Shamsul Kamal Amarudin

**I**POH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu guru di semua aliran sekolah menyemai sikap toleransi dan perpaduan kaum di kalangan pelajar agar mereka dapat bergaul dalam suasana harmoni apabila meninggalkan alam persekolahan.

Perdana Menteri berkata, remaja sekarang yang bakal mewarisi kepemimpinan akan datang, bukan saja perlu dibekalkan dengan ilmu akademik tetapi juga belajar mengenai erti 'sahabat sejati' antara kaum yang dipraktikkan pemimpin negara ini.

"Walaupun dididik di sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil atau sekolah kebangsaan yang sebahagian besar muridnya Melayu, mereka mesti faham dan difahamkan oleh guru iaitu apabila dewasa, mereka perlu bergaul dengan seluruh rakyat untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam negara.

"Kita perlu menyemai semangat muhibah, toleransi, sahabat sejati pada peringkat sekolah lagi kerana

kita mahu generasi pewaris yang akan jadi pemerintah, usahawan, pengurus atau profesional, tahu kepentingan perpaduan kaum," katanya pada majlis pertemuan dengan ibu bapa dan pelajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Sam Tet di sini, semalam.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar serta Menteri Besar, Datuk Seri Mo-

**“Pelajar mesti difahamkan apabila dewasa, mereka bergaul dengan semua kaum di negara ini”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

hd Tajol Rosli Ghazali.

Abdullah berkata, kerajaan berhasrat untuk memastikan kehidupan rakyat sentiasa aman serta selamat dan sebab itu apa saja polemik atau isu yang berlaku dalam negara termasuk perkara sensitif dan membabitkan perkauman dibincangkan dalam Kabinet.

Katanya, perbincangan itu berlangsung dalam suasana harmoni tanpa sikap prasangka atau prejudis di kalangan pemimpin pelbagai kaum kerana matlamat utama ialah mendapatkan keputusan terbaik dan memenuhi kehendak semua pihak di negara ini.

"Walaupun kadangkala suara meninggi... perbincangan tetap berjalan dengan baik, tiada sikap sangsi, syak wasangka atau perasaan kurang elok (sesama anggota Kabinet) yang akhirnya dapat buat keputusan yang baik untuk rakyat.

"Jangan ingat Datuk Seri Ong Ka Ting senyap aje (dalam Kabinet) atau Datuk Seri S Samy Vellu tidak berbau apa-apa. Mereka memainkan peranan dengan membawa apa saja isu untuk dibincang bersama," katanya.

Sementara itu di SUNGAI SIPUT, Abdullah berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diwakili parti komponen berasaskan kaum terbesar di negara ini tidak pernah mengingkirkan golongan minoriti dalam setiap keputusan yang dibuat.

Perdana Menteri berkata, setiap keputusan yang dibuat kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan semua kaum termasuk golongan minoriti sebagai satu keputusan untuk rakyat Malaysia.

Beliau berkata, prinsip membuat keputusan untuk kepentingan semua pihak itu adalah asas pembentukan kerajaan BN.

"Muafakat dalam BN adalah jelas kerana sesuatu keputusan tidak akan dibuat selagi ada kumpulan yang tidak bersetuju atau mendapat manfaat daripadanya.

"Dalam BN kita mengenali hati-budi masing-masing dan kita membuat keputusan untuk semua pihak kerana semua keputusan untuk satu tujuan iaitu kesejahteraan rakyat," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Pusat Konvensyen Sungai Siput, di sini, semalam.